



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA”

26 Mac 2021 / 12 Syaaban 1442

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

(Surah Al-Anfal ayat 45)⁴

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah Nya dan meninggalkan segala larangan Nya. Sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-214, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA”, agar masyarakat akan lebih menghargai peranan dan tugas pasukan polis yang diamanahkan dengan tanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Keamanan dan keselamatan di negara kita dilandaskan kepada prinsip kedaulatan undang-undang. Prinsip tersebut berakarakan ‘Piagam Keadilan’ yang memisahkan kuasa kehakiman dengan kuasa perundangan; prinsip yang diperkenalkan sewaktu organisasi polis moden dirintis penubuhannya pada 25 Mac 1807.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Keamanan bererti kita bebas dari segala bentuk ancaman yang menggugat keselamatan. Alhamdulillah, negara kita berada dalam suasana aman, keselamatan negara berjaya dikawal, dan rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan bertutur pelbagai bahasa, terus hidup dalam harmoni, walaupun kedengaran suara-suara yang cenderung menyalakan api perkauman dan meniupkan sentimen keagamaan dalam hasrat pihak-pihak tertentu mahu mendapat laba politik.

Sesungguhnya, negara yang aman dan selamat merupakan prasyarat untuk membolehkan agama Islam dapat berkembang, umat Islam selesa beribadah dan ekonomi negara berjaya dimakmurkan. Sedarilah! kesucian Islam akan tercemar dan syariat Islam sukar disemarakkan dalam suasana yang tidak aman dan tidak selamat.

Hargailah!, betapa pentingnya keamanan dalam kehidupan manusia, berpandukan doa Nabi Ibrahim AS agar bumi Mekah dikurniakan keamanan dan kemakmuran. Peristiwa ini berlaku ketika pembukaan kota Mekah sebagai pusat ibadah dan tanah suci, yang dinyatakan melalui firman Allah SWT, dalam surah Al-Baqarah ayat 126:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمْتِعْهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

Bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan ku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai-bagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: "(Permohonan mu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan mengheretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali".

Suasana aman dan selamat membolehkan rakyat tanpa rasa takut atau terancam menempuhi kehidupan harian, menghadiri kelas di sekolah dan kuliah di universiti, atau bekerja dan berniaga untuk mencari rezeki. Negara yang aman dan selamat membolehkan rakyat hidup bahagia dan angkasa menjadi makmur.



Sidang Jemaah yang dirahmati Allah

Sejak tertubuhnya organisasi polis moden pada 25 Mac 1807, pasukan polis telah melalui pelbagai perubahan dan transformasi dalam menghadapi cabaran yang terus bertambah dan terus berubah. Jalinan hubungan polis dan masyarakat telah diperkukuhkan apabila Pesuruhjaya Polis Tanah Melayu, Sir Arthur E. Young memperkenalkan konsep ‘BERSEDIA BERKHIDMAT’ pada 15 Disember 1952. Menghayati konsep ‘SEDIA BERKHIDMAT’, anggota polis telah melaksanakan pelbagai khidmat terbilang dan mempamerkan pelbagai sifat terpuji, seiring dengan Tema "**Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada**", bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Maidah, ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Bermaksud: “... Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah Nya)”.

Antara khidmat terbilang dan sifat terpuji, telah diperlihatkan oleh enam orang anggota daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kangsar, yang dianugerahkan surat penghargaan Ketua Polis Perak pada Ogos tahun lalu; keenam-enam anggota tersebut telah menolak wang rasuah yang cuba disogokkan.

Pada bulan November 2020, dua orang anggota Pasukan Gerakan Am Senoi Praq, telah mempamerkan sifat keperwiraan, ketika berbalas tembak dengan penyeludup berhampiran kawasan Padang Besar Perlis. Sarjan Norihan Tari dan Sarjan Baharuddin Ramli mencerminkan semangat wira, berjuang hingga kehabisan peluru; akhirnya Sarjan Baharuddin Ramli terkorban dalam pertempuran.

Pada 4 Mac lalu, Sarjan Mat Shah Kasim yang berusia 57 tahun, secara nekad meredah api di bahagian dapur sebuah rumah yang sedang terbakar di Batu Hampar Rembau, kerana mahu menyelamatkan dua nyawa, seorang ibu tua berusia 81 tahun bersama anaknya, orang kelainan upaya berusia 46 tahun.



Di Petaling Jaya, seorang ibu telah ditangkap oleh pengawal keselamatan kerana tidak membayar barangan yang diambil dari sebuah pasar raya, dan dilaporkan kepada polis. Ibu tersebut melakukan kecurian kecil disebabkan terdesak mahu memberi makanan kepada anak-anak yang sedang kelaparan. Pada 21 Januari 2021, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee bersama beberapa anggota, dengan membawa bersamanya makanan, memilih untuk menziarahi dan menasihati ibu berkaitan supaya tidak mengulangi perbuatan yang sama; di sebaliknya ibu tersebut dinasihati untuk datang meminta bantuan beliau jika berhadapan keadaan terdesak tiada makanan. Di kawasan Api-api, Kota Kinabalu, akhbar pada 12 Februari menyiarkan gambar dari klip video yang menunjukkan sifat keinsanan dua orang anggota polis peronda, membantu dengan menghulurkan wang kepada seorang kanak-kanak yang menjual keropok untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah

Amalan terpuji yang dipamerkan oleh anggota polis dalam kisah-kisah yang disebutkan ini mencerminkan sifat keinsanan yang sangat ditegaskan dalam ajaran Islam. Kisah-kisah ini, hanyalah cebisan kecil daripada pengorbanan lebih besar yang dilakukan oleh anggota polis yang SEDIA BERKHIDMAT kepada masyarakat. Ketika anggota masyarakat merungut berada dalam kenderaan yang merangkak perlahan disebabkan kesesakan jalan raya, insaf! anda berada dalam kereta berhawa dingin, sedangkan anggota polis yang mengawal lalu lintas sedang dibakar terik matahari atau sedang kesejukan bermandi hujan. Insaf! ketika anda sedang enak berbuka puasa bersama keluarga menikmati pelbagai juadah, ramai anggota polis berbuka puasa di balai-balai, dalam kereta peronda, di pinggir jalan raya, dalam hutan belantara atau dalam bot peronda yang sedang dilambung ombak. Insaf! ketika anda beriang gembira berpakaian indah di rumah pada pagi Hari Raya bersama keluarga, ramai anggota polis yang sedang berpakaian uniform, bertugas di setiap penjuru di dalam negara, dan yang bertugas di hutan belantara, ada yang telah beberapa hari tidak berpeluang mengganti uniform yang kering dan basah di badan. Demikian pengorbanan besar yang dilakukan bukan sahaja oleh para anggota polis tetapi oleh ahli-ahli keluarga mereka juga.

Kepada seratus lapan belas ribu (118,100) orang anggota Polis Diraja Malaysia yang sedang berkhidmat, mimbar ingin berpesan agar senantiasa berusaha mempertingkatkan keimanan dan memperbanyakkan tawakal kepada Allah SWT serta berkhidmat dengan penuh reda, ikhlas dan amanah berlandaskan Islam. Semoga segala khidmat, tenaga dan pengorbanan diterima oleh Allah SWT sebagai amal makruf yang dianugerahkan keberkatan hidup di dunia dan ganjaran di akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sempena Peringatan Hari Polis Ke-214, mimbar menarik perhatian dan menyeru para jemaah dan seluruh rakyat kepada perkara-perkara berikut;

Pertama: Mengiktiraf peranan penting Polis Diraja Malaysia menjunjung amanah untuk memastikan rakyat hidup dalam aman dan alam selamat daripada ancaman.

Kedua: Memastikan para anggota mengamalkan budaya integriti yang telus agar Polis Diraja Malaysia mendapat keyakinan, kepercayaan, penghormatan dan sokongan rakyat.

Ketiga: Menyokong pendirian tegas dan usaha gigih Ketua Polis Negara untuk membersihkan Polis Diraja Malaysia daripada dicemari oleh anggota yang tidak berintegriti, anggota-anggota yang bersubahat dengan pelbagai sindiket judi dan penyeludup, anggota-anggota yang melakukan rasuah serta pecah amanah.

Keempat: Memberi kerjasama dan membantu anggota-anggota polis melaksanakan tugas.

Kelima: Memahami cabaran besar yang dihadapi oleh anggota polis dalam melaksanakan tugas, amatlah penting untuk mereka dilengkapi dengan peralatan, senjata dan kenderaan, begitu juga latihan untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan.

Keenam: Menghargai pengorbanan para anggota polis dan keluarga mereka, dengan memberikan perhatian dan memenuhi keperluan perumahan dan kebajikan, merangkumi kebajikan anggota yang cedera, ahli keluarga yang menjadi yatim atau balu, dan terus mengambil berat kebajikan anggota yang telah bersara.

Ketujuh: Menghargai bahawa ramai anggota yang terkorban merupakan wira alam walaupun disemadikan di pusara yang tidak bernama, lalu kita terus mendoakan semoga Allah SWT melimpahi rahmat kepada roh-roh mereka, diberikan kemuliaan semasa berada di alam barzakh, dipermudahkan timbangan pada hari kebangkitan, dan dilimpahkan kesejahteraan kehidupan akhirat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتُّهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.